

U B250 AAB
BARISAN - MANIFESTO R R R

KUALA LUMPUR, 25 JULAI (BERNAMA) -- BARISAN NASIONAL (BN) MENGEMUKAKAN 13 PERKARA DALAM MANIFESTONYA BAGI PILIHANRAYA UMUM INI MENGHURAIKAN PENDIRIAN DAN IKRARNYA KEPADA RAKYAT DEMI KESTABILAN DAN MASA DEPAN YANG LEBIH GEMILANG.

MANIFESTO ITU YANG DILANCARKAN DI SINI HARI INI OLEH PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG JUGA Pengerusi BN MENGGUNAKAN SLOGAN +TRADISI MEMBELA RAKYAT.+

PERKARA-PERKARA YANG TERKANDUNG DALAM MANIFESTO ITU IALAH:-

- + KEAMANAN DAN KESTABILAN,
- + MENGHAPUS KEMISKINAN,
- + PERKEMBANGAN AGAMA,
- + PELAJARAN,
- + PERUMAHAN,
- + PEKERJAAN,
- + KEBUDAYAAN,
- + SEBUAH MASYARAKAT LIBERAL, SEDERHANA DAN TOLERAN,
- + SEBUAH MASYARAKAT DEMOKRATIK,
- + KEADILAN SOSIAL,
- + KEBANGGAAN NASIONAL DAN DASAR LUAR,
- + PEMBANGUNAN YANG SEIMBANG,
- + PERPADUAN NASIONAL. -- LAGI.

1141MST 25 07 86

U B253 AAB
BARISAN - MANIFESTO 2 KUALA LUMPUR R R R

MENURUT MANIFESTO ITU, BN BERIKRAR AKAN BERUSAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH UNTUK MENJAMIN KEAMANAN DAN KESTABILAN NEGARA. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, IA BERIKRAR AKAN MENENTANG SIKAP FANATIK DAN TAKSUB, YANG MERUPAKAN PERKARA ASING BAGI CARA HIDUP MALAYSIA DAN BERTENTANGAN DENGAN AJARAN-AJARAN ISLAM DAN AGAMA-AGAMA LAIN YANG DIAMALKAN DI NEGARA INI.

+KAMI DALAM BARISAN NASIONAL SAMA-SEKALI MENENTANG SIKAP FANATIK DAN TAKSUB DAN KAMILAH SATU-SATUNYA TENAGA YANG BOLEH MENJAMIN KEAMANAN DAN KESTABILAN MALAYSIA.+

KEAMANAN DAN KESTABILAN, MENURUT MANIFESTO ITU, BUKAN SATU HAL SEMULA JADI TETAPI DIBINA BERANSUR-ANSUR DENGAN TEKUN DAN SABAR, OLEH MEREKA YANG BERSIKAP MUHIBAH, SEDERHANA, BERFIKIRAN WARAS DAN PRAGMATIS.

MENGENAI KEMISKINAN, BN BERBANGGA DENGAN HAKIKAT YANG TIDAK DAPAT DINAFIKAN OLEH SESIAPA JUA BAHAWA NEGARA INI TELAH BERTINDAK DENGAN TEGAS UNTUK MENGHAPUSKANNYA. -- LAGI.

1147MST 25 07 86

U B255 AAB
BARISAN - MANIFESTO 3 KUALA LUMPUR R R R

NAMUN DEMIKIAN, IA MENYEDARI BAHAWA BANYAK LAGI IKHTIAR YANG MESTI DIJALANKAN UNTUK MENGHAPUSKAN KEMISKINAN DAN MEMASTIKAN SETIAP RAKYAT DI NEGARA INI MENDAPAT TEMPAT MASING-MASING.

+KAMI BERJANJI KEPADA RAKYAT YANG MISKIN DI LUAR BANDAR BAHAWA DALAM BEBERAPA TAHUN AKAN DATANG, MELALUI REVOLUSI KEDUA PEMBANGUNAN LUAR BANDAR YANG SEDANG DILANCARKAN, KAMI AKAN MENUMPUKAN SEGALA TENAGA DAN KEMUDAHAN UNTUK MELEPASKAN GOLONGAN YANG MISKIN DARIPADA BELENGGU KEMISKINAN.+

MANIFESTO ITU MENYATAKAN BAHAWA BN TELAH MENGENALPASTI SEBAHAGIAN DARIPADA +MEDAN PERANG+ BAGI MENGHAPUSKAN KEMISKINAN, IAITU DI KAMPUNG-KAMPUNG BARU, ESTET-ESTET DAN RANCANGAN TANAH DI SELURUH NEGARA.

MALAYSIA TETAP TEGAS DENGAN TEKADNYA UNTUK MEMBANTERAS KEMISKINAN TANPA MENGIRA KETURUNAN KAUM.

MENGENAI AGAMA, MANIFESTO ITU BERKATA BAHAWA BARISAN NASIONAL MENYAMBIUT BAIK PERKEMBANGAN YANG SEDANG BERLAKU DI SERATA PELUSUK NEGARA YANG MENUNJUKKAN BAHAWA PERHATIAN KEPADA AGAMA DAN NILAI-NILAI KEAGAMAAN KIAN KUAT MANAKALA KEGIATAN AMAL IBADAT PULA SEMAKIN BERKEMBANG. -- LAGI.

1159MST 25 07 86

D703

U B258 AAB
BARISAN - MANIFESTO 4 KUALA LUMPUR R R R

+KAMI INGIN MELIHAT PERKEMBANGAN AGAMA LEBIH MELUAS DI MALAYSIA. YANG KAMI KESALKAN IALAH PERBUATAN MENGGUNAKAN AGAMA DAN MENCETUSKAN SENGKETA SATU SAMA LAIN - ATAS NAMA TUJUAN-TUJUAN MURNI TETAPI SEBENARNYA UNTUK MEREbut KUASA POLITIK.+

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, BN AKAN TERUS MEMERANGI GOLONGAN TAKSUB YANG KEPENTINGAN MEREKA SEMATA-MATA MENGEKSPLOIT AGAMA UNTUK TUJUAN-TUJUAN POLITIK.

MENGENAI PELAJARAN, YANG MENURUT MANIFESTO ITU MERUPAKAN SOAL YANG BERAT BAGI SETIAP IBU BAPA, BN BERJANJI AKAN MEMPERLUAS DAN MEMPERKEMBANGKAN PELUANG PENDIDIKAN DAN INSTITUSI PELAJARAN PADA SETIAP PERINGKAT.

+KAMI AKAN MENKKAJI CARA-CARA BARU UNTUK MENGURANGKAN BEBAN IBU BAPA YANG MAHU ANAK-ANAK MEREKA MENDAPAT PELAJARAN YANG SEBAIK-BAIKNYA.

+KAMI JUGA BERIKRAR UNTUK TERUS MENGHORMAI PILIHAN IBU BAPA DALAM MENENTUKAN JENIS SEKOLAH YANG MEREKA KEHENDAKI UNTUK ANAK MASING-MASING.+ -- LAGI.

1213MST 25 07 86

U B262 AAB
BARISAN -- MANIFESTO 5 KUALA LUMPUR R R R

MELALUI MANIFESTO ITU BN MEMBERI JAMINAN TEGAS BAHAWA SEKOLAH-SEKOLAH BAHASA CINA DAN TAMIL AKAN TERUS WUJUD SEPerti KEADAAN SEKARANG.

MENGENAI PERUMAHAN, MANIFESTO ITU BERKATA, PELANCARAN PROGRAM KHAS UNTUK MEMBINA HAMPIR SESUKU JUTA RUMAH MURAH DALAM MASA BEBERAPA TAHUN AKAN DATANG MEMBAYANGKAN PENDIRIAN BN BAHAWA PERLUNYA SETIAP RAKYAT MEMPUNYAI RUMAH BUKANLAH SEKADAR SOAL POKOK SAHAJA.

MANIFESTO ITU JUGA MENARIK PERHATIAN TENTANG PENGANGGURAN YANG MERUPAKAN MASALAH YANG SERIUS.

+KAMI PERCAYA BAHAWA INI BUKAN SEMATA-MATA MASALAH EKONOMI TETAPI JUGA SOSIAL. IA MERUPAKAN SESUATU YANG MENJEJASKAN DARJAT MANUSIA.+

DALAM USAHA MENGATASI MASALAH ITU, BN TELAH MELANCARKAN PROGRAM YANG TEGAS UNTUK MENAMBAH PELUANG-PELUANG PEKERJAAN.

IA JUGA MEMBERI JAMINAN BAHAWA TIADA TENAGA KERJA ASING AKAN DIBENARKAN MENGISI PELUANG PEKERJAAN YANG SEPATUTNYA DIISI OLEH RAKYAT MALAYSIA DAN SEMUA PENDATANG HARAM AKAN DIUSIR. -- LAGI.
1233MST 25 07 86

U B265 AAB
BARISAN - MANIFESTO 6 KUALA LUMPUR R R R

MENGENAI KEBUDAYAAN, MANIFESTO ITU MENJELASKAN BN PERCAYA KEPADA EVOLUSI KEBUDAYAAN MALAYSIA YANG BERERTI TIDAK AKAN ADA PENGHAPUSAN ATAU PENGHAKISAN BUDAYA ETNIK MANA-MANA KAUM.

+SEMUA RAKYAT BERHAK MEMILIH AGAMA MASING-MASING. BUDAYA, SEPerti JUGA DENGAN AGAMA, TIDAK BOLEH DIPAKSA DARI LUAR. IA MESTI LAHIR DARI HATI SANUBARI DAN DARIPADA AMALAN IKHLAS.+

BN MEMBERI JAMINAN AKAN TERUS BERPANDU KEPADA HAKIKAT DAN REALITI ITU DALAM MEWUJUDKAN KEBUDAYAAN MALAYSIA.

MASYARAKAT MALAYSIA SEKARANG, MENURUT MANIFESTO ITU, MENJADI SASARAN PELAMPAU AGAMA DAN PERKAUMAN YANG MAHU MEMAKSA FIKIRAN DAN CARA-CARA MEREKA TERHADAP YANG LAIN.

MALANGNYA ADA GOLONGAN YANG BERSIKAP KUKU BESI YANG MAHU MEMAKSA, MENGATUR DAN MENCEKIK MASYARAKAT SERTA KEBEBASAN RAKYAT. KATA MANIFESTO ITU.

-- LAGI.

1243MST 25 07 86

0724

U B271 AAB
BARISAN - MANIFESTO 7 KUALA LUMPUR * * *

+PRESTASI DAN PRINSIP-PRINSIP PEGANGAN BN ADALAH JELAS SEKALI,+
KATA MANIFESTO ITU.

+KAMI MENDUKUNG SEBUAH MASYARAKAT LIBERAL DAN TOLERAN DENGAN
RAKYAT BEBAS BERTINDAK MENURUT HATI NALURI MASING-MASING SESUAI
DENGAN KEINGINAN DAN CITA-CITA MEREKA.+

DALAM BIDANG EKONOMI AKAN WUJUD KEBEBASAN BERUSAHA MANAKALA
DALAM BIDANG POLITIK DAN SOSIAL, KEBEBASAN BERBICARA - BEBAS
DARIPADA SEGALA BENTUK KAWALAN TETAPI BUKAN BEBAS DARIPADA
TANGGUNGJAWAB.

DALAM MEWUJUDKAN SEBUAH MASYARAKAT DEMOKRATIK, MENURUT MANIFESTO
ITU, BN AKAN MEMASTIKAN BAHAWA DEMOKRASI MALAYSIA BUKAN BERERTI
PENINDASAN OLEH GOLONGAN MAJORITI.

+DEMOKRASI MALAYSIA MEMBERI SUARA KEPADA SEMUA KAUM DALAM
Pemerintahan Kita. SESIAPA YANG INGIN, ADALAH DITERIMA MASUK. TIADA
DIKETEPIKAN.

+ IA MENJAMIN BAHAWA KEPUTUSAN-KEPUTUSAN DIAMBIL BERDASARKAN
PUJUKAN DAN PENERANGAN, BUKAN PAKSAAN.+ -- LAGI.

1300MST 25 07 86

U B280 AAB
BARISAN - MANIFESTO 8 KUALA LUMPUR * * *

MANIFESTO ITU MENYATAKAN BAHAWA DASAR EKONOMI BARU (DEB)
BERMAKSUD UNTUK MENJAMIN KEADILAN SOSIAL BAGI SEMUA RAKYAT.
SUNGGUHPUN IA TELAH MENCAPAI KEMAJUAN BESAR, DEB AKAN DIPERKEMAS
PADA TAHUN-TAHUN MENJELANG 1990 DENGAN MENGUTAMAKAN PERTUMBUHANNYA
UNTUK MENGHAPUSKAN KEMISKINAN DAN KEADAAN-KEADAAN TIDAK SEIMBANG.

BN MEMBERI JAMINAN BAHAWA APA JUA YANG DIUSAHAKAN SELEPAS 1990
AKAN DIATUR HANYA SELEPAS BERMUAFAKAT DENGAN SEGENAP PERINGKAT
MASYARAKAT.

+PROGRAM KEADILAN SOSIAL SELEPAS 1990 KELAK ADALAH HASIL
MUSYAWARAH NASIONAL SEPENUH-PENUHNYA.+

MENGENAI KEBANGGAAN NASIONAL DAN DASAR LUAR, MANIFESTO ITU
MENJELASKAN BAHAWA BN MENOLAK ANGGAPAN BAHAWA MALAYSIA, SEBAGAI
SEBUAH NEGARA KECIL DALAM DUNIA PELBAGAI PENCAROKA, WAJAR +BERTELUT
LUTUT.+

+KALAU SEJARAH MENGHUKUM KITA BERSALAH KERANA BERJUANG
MENGEKALKAN DARJAT KITA SUPAYA DIHORMATI OLEH NEGARA-NEGARA LAIN
MAKA KITA BERBANGGA DENGANNYA.

+ KAMI AKAN BERUSAHA UNTUK MENJADI KAWAN SEMUA NEGARA YANG
MENGHORMATI MARTABAT MANUSIA.+ -- LAGI.

1323MST 25 07 86

U B298 AAB
BARISAN - MANIFESTO 9 KUALA LUMPUR R R R

MANIFESTO ITU MENEGASKAN BAHAWA MALAYSIA TIDAK AKAN BERGANJAK DARIPADA KEMERDEKAAN DAN TIDAK AKAN BERHENTI MEMPERJUANGKAN HAK NEGARA ATAU BANGSA LAIN UNTUK MERDEKA DAN UNTUK MENGHAPUSKAN BELENGGU PENJAJAHAN.

IA JUGA MEMBAYANGKAN TEKAD MALAYSIA UNTUK MEMASUKI KURUN KE-21 SEBAGAI SEBUAH NEGARA EKONOMI MODEN -- KUAT DALAM HASIL BARANGAN, TEGUH SEBAGAI NEGARA INDUSTRI.

KATANYA, TANPA MELUPAKAN SEKTOR PERTANIAN, MALAYSIA JUGA AKAN MENYERTAI BIDANG INDUSTRI BERAT SAMBIL MEMPERKEMBANGKAN INDUSTRI RINGAN.

+KAMI AKAN MEMUPUK PERKEMBANGAN PERSYARIKATAN BESAR DI SAMPING MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN PERUSAHAAN SEDERHANA DAN INDUSTRI KECIL,+ KATA MANIFESTO ITU.

IA MENOLAK PENDAPAT SESETENGAH PIHAK KONONNYA MEMADAILAH RAKYAT MALAYSIA YANG KECIL INI MENJADI HAMBA ABDI SAHAJA DAN SIKAP MEREKA YANG BERALAH, YANG BERPENDAPAT KONONNYA MALAYSIA TIDAK BOLEH MASUK KE PASARAN ANTARABANGSA DAN TIDAK BOLEH BERSAING DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN DI DUNIA INI. -- LAGI.

1459MST 25 07 86

D778

U B299 AAB
BARISAN - MANIFESTO 10 KUALA LUMPUR R R R

MENGENAI PERPADUAN NASIONAL, MANIFESTO ITU MENJELASKAN, TIDAK ADA YANG LEBIH PENTING DARIPADA USAHA MEMPERTEGUEHKANNYA.

+ PADA PERPADUAN NASIONAL INILAH SERGANTUNG SEGALA-GALANYA YANG KITA CAPAI ATAU YANG KITA HARAPKAN TERCAPAI PADA TAHUN-TAHUN AKAN DATANG.+

HANYA BN YANG BERPEGANG TEGUH KEPADA KONSEP KERAJAAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH, MERUPAKAN SATU-SATUNYA PARTI POLITIK YANG BERLANDASKAN KEPENTINGAN SEMUA RAKYAT MALAYSIA.

+HANYA BN SATU-SATUNYA GERAKAN SOSIO-POLITIK SEDERHANA DAN MUSYAWARAH,+ TEGASNYA.

+HANYA BN BENAR-BENAR DAPAT MEMBENTUK PERPADUAN NASIONAL. TANPA ITU SEGALA KEJAYAAN TIDAK BERERTI.+ -- BERNAMA.

1503MST 25 07 86